

Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas dan Metode Penghujahannya dengan al-Sunnah dalam Kitab *Risalah fi Bayan Hukum al-Bay' wa al-Riba*

BITARA

Volume 5, Issue 4, 2022: 1-13
© The Author(s) 2022
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 21 Jun 2022
Accepted: 21 Oktober 2022
Published: 3 November 2022

[Sheikh Abdul Qadir Bukit Bayas and Methods His Argument with The Sunnah in The Kitab *Risalah fi Bayan Hukum al-Bay' wa al-Riba*]

Hasanulddin Mohd, Zurita Mohd Yusoff, Engku Ibrahim Engku Wok Zin, Mohd A' Tarahim Mohd Razali & Abdul Qahhar Ibrahim¹

- 1 Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA. E-mail: zurita@unisza.edu.my; ibrahim@unisza.edu.my; tarahim@unisza.edu.my; abdulqahhar@unisza.edu.my
- 2 Research Institute for Islamic Products & Malay Civilization (INSPIRE), Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

* Corresponding Author: hasandin@unisza.edu.my

Abstrak

Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Rahim Bukit Bayas ialah seorang ulama Fatani yang telah berhijrah dan menetap di Terengganu serta turut menyumbang dalam memperkayakan khazanah penulisan pengajian Islam. Karyanya yang berjudul *Risalah Fi Bayan Hukum Al-Bay' Wa Al-Riba* merupakan antara rujukan yang perlu diberikan perhatian dalam membicarakan fiqh muamalat, khususnya dalam bab jual beli, riba, dan mudharabah. Kajian akan cuba mengetengahkan biodata ringkas pengarang, sejarah penulisan kitab, isi kandungan dan analisis terhadap penghujahan pengarang dengan al-Sunnah di dalam kitab beliau. Data dikumpul daripada tinjauan perpustakaan, metode dokumentasi, serta dianalisis menggunakan metode analisis kandungan. Kajian mendapati bahawa Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas telah menggunakan sumber hadith dengan jayanya dalam penulisan beliau, di samping mempunyai metodologi yang tersendiri dalam menulis pendalilan hadith terhadap hukum-hukum fiqh. Sebagai penutup, kajian terhadap kitab beliau ini seharusnya dirancarkan agar masyarakat kini dapat mengambil manfaat daripadanya.

Kata kunci: Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas & *Risalah Fi Bayan Hukum al-Bay' wa al-Riba*.

Abstract

Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Rahim Bukit Bayas is an influenced Islamic scholar in Terengganu. He also contributed in enriching the collection of writings, especially in Islamic studies. His book, entitled *Risalah Fi Bayan Hukum Al-Bay' Wa Al-Riba* is the essential reference in discussing fiqh al-Muamalat, especially in the topic of purchase, interest, mudharabah and others. The study will attempt to highlight the biodata of the author, the history of the book, as well as analyzing the al-Sunnah in his book. The data were collected from library research and documentation metode. They were analysed by analysis content metode. The study found that Syeikh Bukit Bayas used the source of al-Sunnah effectively. Finally, the study of the book should be increased, so that people can take benefit from it.

Keywords: Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas & *Risalah fi Bayan Hukum al-Bay' wa al-Riba*.

Cite This Article:

Hasanulddin Mohd, Zurita Mohd Yusoff, Engku Ibrahim Engku Wok Zin, Mohd ATarahim Mohd Razali & Abdul Qahhar Ibrahim. (2022). Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas dan Metode Penghujahannya dengan al-Sunnah dalam Kitab *Risalah fi Bayan Hukum al-Bay' wa al-Riba* [Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas and Methods His Argument with The Sunnah in The Kitab *Risalah fi Bayan Hukum al-Bay' wa al-Riba*]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(4): 1-13.

Pengenalan

Kitab *Risalah fi Bayan Hukum al-Bay' wa al-Riba* karangan Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Rahim Bukit Bayas selaku Mufti Kerajaan Negeri Terengganu yang pertama ialah sebuah kitab fiqh yang ditulis dalam bahasa Melayu pada awal kurun ke 19 Masihi. Kemunculan kitab ini telah memberi sumbangan yang sangat besar kepada masyarakat Islam ketika itu khususnya di dalam menyelesaikan permasalahan yang timbul berkaitan dengan hukum berjual beli. Namun, warisan berharga ini hampir lenyap disebabkan tiada usaha memuliharanya dan juga tidak pernah diketengahkan dalam bentuk kajian ilmiah yang mendalam. Bilangan naskhah kitab ini yang sangat terhad pada ketika ini telah menjadikannya sebagai koleksi yang nadir.

Sehubungan dengan itu, penulisan ini cuba mengetengahkan kitab karya Syeikh tersebut yang masih dalam bentuk manuskrip serta membuat tinjauan ringkas terhadap isi kandungannya serta penghujahannya dengan *al-Sunnah* dalam membicarakan hukum-hukum fiqh khususnya. Kertas ini turut memperkenalkan riwayat hidup Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas secara sepintas lalu untuk lebih mendekati ketokohan beliau.

Latar belakang Pengarang

Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Rahim Bukit Bayas merupakan salah seorang ulama yang paling berpengaruh di Terengganu pada kurun ke 19. Ramai tokoh dan ulama yang dilahirkan di Terengganu adalah hasil didikan beliau. Mereka termasuklah Baginda Sultan Omar, Tok Ku Tuan Besar, Tok Syeikh Duyong dan lain-lain. Nama lengkap beliau ialah Syeikh Wan Abdul Qadir bin Wan Abdul Rahim bin Wan Deraman bin Wan Bakar bin Wan Ismail bin Faqih Ali al-Malbari. Syeikh Abdul Qadir dilahirkan di Patani pada suatu tarikh yang tidak diketahui. Terdapat andaian yang menyebut bahawa beliau dianggarkan lahir pada dekad terakhir kurun ke-18, iaitu sekitar 1790-an. Catatan yang lebih umum menyebut beliau lahir sekitar 1700-an. Anggaran tarikh kelahiran Syeikh Abdul Qadir yang agak sesuai ialah sekitar tahun 1740 hingga 1790. Dalam lakaran potret beliau yang ditemui di Pondok Sela Anak Ayam, Narathiwat, Thailand pada tahun 2017 menyebut dengan jelas bahawa tahun kelahirannya ialah pada tahun 1793 (Hasanulddin, 2014; 2020).

Beliau mendapat pendidikan awal di beberapa pondok pengajian di Patani. Seterusnya, beliau menyambung pengajiannya di Makkah, di samping terdapat catatan menyebutkan bahawa beliau juga sempat menuntut ilmu di Madinah. Setelah mendalami ilmu pengetahuan di tanah suci, Syeikh Abdul Qadir pulang ke tanahair dan memilih Pulau Duyung di Terengganu sebagai persinggahan pertama. Di dalam negeri Terengganu ini, Syeikh Abdul Qadir menyampaikan ajaran Islam menurut akidah Ahli Sunnah wa al-Jamaah dan bertaklidkan mazhab Imam al-Shafie. Beliau mengajar pelbagai bidang yang merangkumi pengajian

usuluddin, fiqh, tasawuf dan lain-lain. Beliau juga telah membina sebuah masjid di Kampung Bukit Bayas dan mula mengasaskan institusi pengajian pondok menurut tradisi di Patani. Oleh sebab beliau banyak memusatkan kegiatan keilmuannya di Bukit Bayas, maka terkenallah namanya mulai saat itu dengan gelaran Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas.

Terdapat beberapa karya yang cuba dinisbahkan kepada Syeikh Abdul Qadir, namun hanya dua sahaja karya beliau yang sahih yang ditemui setakat ini ialah kitab *Risalah Fi Bayan Hukm Al-Bay' Wa Al-Riba*, yang selesai dikarang pada tahun 1234H (1818M) dan kitab *Mir'ah al-Mu'minin wa Tazkirah lil Ghafilin* yang selesai dikarang pada tahun 1237H (1822M). Syeikh Abdul Qadir diakui telah memberikan sumbangan yang besar kepada negeri Terengganu, khususnya dalam aspek dakwah dan keilmuan Islam. Pengaruhnya juga berkembang luas, sama ada terhadap masyarakat awam atau kerajaan negeri sendiri. Kemuncaknya ialah pada ketika dilantik sebagai Mufti Kerajaan Negeri Terengganu oleh Baginda Sultan Omar. Dengan nasihat beliau sebagai mufti, serta ditambah pula dengan minat Sultan Omar terhadap agama, menyebabkan dasar-dasar kerajaan negeri selari dengan ruh dan kehendak Islam. Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas telah kembali ke rahmatullah pada tahun 1864 Masihi di Kampung Paya Bunga dan disemadikan di Tanah Perkuburan Syeikh Ibrahim (Ahmad Fathy, 2013; Wan Mohd Saghir, 1997, 2000 & 2009; Omar Musa, 1991, Muhammad Mustaqim, 2018).

Isi Kandungan Kitab *Risalah fi Bayan Hukm al-Bay' wa al-Riba*

Kitab *Risalah Fi Bayan Hukm Al-Bay' Wa Al-Riba* merupakan sebuah kitab fiqh yang ditulis mengikut mazhab Imam al-Shafi'i. Namun begitu, ia hanya menyentuh beberapa topik muamalat sahaja. Berdasarkan kepada judul kitab ini sendiri dan juga topik-topik yang telah digariskan oleh Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas, jelas menunjukkan beliau hanya menumpukan perbincangan kepada beberapa topik muamalat sahaja. Topik-topik itu adalah seperti berikut:

- a. Mukaddimah kitab
- b. Hukum jual beli
- c. Hukum riba
- d. Hukum menipu daya dalam jual beli
- e. Hukum bertolak ansur (*al-Musahalah*) dalam jual beli
- f. Kepentingan mengelakkan perkara-perkara yang membinasakan ketika berjual beli
- g. Hukum mengurangkan sukatan
- h. Hukum orang yang zalim
- i. Hukum menyorok barang jual beli (*al-Ihtikar*)
- j. Hukum mengambil modal bahagi laba (*al-mudharabah*) (Wan Mohd Saghir, 1997).

Pendalilan dengan al-Sunnah dalam Kitab *Risalah fi Bayan Hukm al-Bay' wa al-Riba*

Selepas dalil-dalil daripada al-Quran, Syeikh Abdul Qadir juga mengemukakan dalil-dalil daripada *al-Sunnah* dengan bilangan yang agak besar dan meliputi setiap topik. Hal ini perlu diberikan perhatian yang agak mendalam kerana ia mendasari sebahagian besar perbincangan kitab. Bahkan, hadith-hadith yang dibawa ini dipercayai menjadi asas kepada pemilihan judul yang kedua bagi kitab beliau, iaitu *al-Tarhib wa al-Tarhib li al-Bay' wa al-Shira* kerana beliau menggabungkan hadith-hadith yang membawa maksud galakan kepada kegiatan muamalat ini, di samping turut membawa hadith-hadith yang memberikan ancaman kepada perbuatan salah laku di dalamnya.

Bilangan hadith

Hadith yang dikemukakan dalam kitab ini kesemuanya berjumlah 84 buah hadith. Hadith ini diletakkan dalam setiap topik perbincangan kitab, melainkan topik *mudharabah*. Perinciannya adalah seperti berikut:

Jadual 1: Jumlah Hadith Mengikut Bab

Bil.	Bab	Jumlah hadith
1	Mukaddimah	16
2	Hukum Jual beli	3
3	Hukum Riba	10
4	Hukum Menipu Daya Dalam Jual Beli	3
5	Hukum bertolak ansur (<i>al-Musahalah</i>) dalam Jual Beli	19
6	Kepentingan mengelakkan perkara-perkara yang membinasakan ketika berjual beli.	9
7	Hukum mengurangkan sukatan	2
8	Hukum orang yang zalim	17
9	Hukum menyorok barang jual beli (<i>al-Ihtikar</i>)	5
10	Hukum Mengambil Modal Bahagi Laba (<i>al-Mudharabah</i>)	0
	Jumlah Keseluruhan	84

Metode Pendalilan dengan *al-Sunnah*

Apabila meneliti hadith-hadith yang dipersembahkan di dalam kitab *Risalah fi Bayan Hukm al-Bay' wa al-Riba* ini, didapati bahawa pengarang juga mengguna pakai metode-metode yang sering digunakan oleh ulama Melayu silam dan penulis yang sezaman dengannya ketika

menulis hadith-hadith di dalam kitab-kitab mereka. Hal ini dapat dilihat dari beberapa sudut atau isu. Antaranya ialah ungkapan-ungkapan yang digunakan bagi menyatakan hadith-hadith yang dipetik, huraian dan pernyataan hukum fiqah yang terdapat dalam hadith yang dibawa dan penjelasan status hukum setiap hadith. Kesemua isu ini akan dibincangkan satu-persatu seperti yang akan dinyatakan di bawah ini.

Dari sudut yang pertama, pengarang menggunakan beberapa ungkapan yang tertentu untuk menyatakan hadith-hadith yang dipetik. Antaranya ialah "yang bersabda ia...", "Dan hadith Nabi salla Allah 'alayh wa sallam ...", "Dan telah mengeluarkan...", "Dan certera daripada fulan daripada Nabi salla Allah 'alayh wa sallam", "Dan khabarnya daripada fulan", "sabda Nabi salla Allah 'alayh wa sallam...", "Dan demikian lagi riwayat daripada...", "Dan telah berkata setengah ulama datang warid daripada Nabi salla Allah 'alayh wa sallam...", "tersebut di dalam hadith Nabi salla Allah 'alayh wa sallam...", dan "Dan certera daripada Fulan bahawasanya aku telah mendengar Rasulullah salla Allah 'alayh wa sallam berkata...". Selain itu, pengarang juga ada mengemukakan kata-kata sahabat yang marfu' kepada Rasulullah S.A.W., atau membawa kisah yang berlaku pada zaman nabi S.A.W., seperti sebab nuzul bagi sesuatu ayat al-Qur'an. Contoh-contoh berikut akan menjelaskan sebahagian daripada bentuk-bentuk yang telah dinyatakan tadi (Wan Mohd Saghir, 1997):

Contoh 1:

Dan rahmat Allah dan salamnya atas penghulu kita Muhammad yang bersabda ia: Bermula menuntut yang halal itu fardu kemudian daripada fardu dan wajib atas tiap-tiap muslimin laki-laki dan Muslimat perempuan.

Contoh 2:

Dan hadith nabi salla Allah 'alayh wa sallam:

أَفْضَلُ الْكَسْبِ بَيْعٌ مَبْرُورٌ وَعَمَلُ الرَّجُلِ بِيَدِهِ

Ertinya: Bermula yang terlebih afdal usaha itu berjual beli yang baik - ertinya yang tiada tipu daya padanya dan tiada khianat - dan bekerja laki-laki dengan tangannya.

Contoh 3:

Dan telah mengeluarkan Bayhaqi daripada Mu'az:

Bahawa sesungguhnya yang terlebih baik usaha itu usaha bagi orang yang berniaga apabila berkhabar mereka itu tiada berdusta dan apabila dipercayakan orang akan dia tiada khianat mereka itu. Dan apabila berjanji mereka itu tiada menyalahi akan janjinya. Dan apabila membeli mereka itu tiada mencela dan apabila berjual mereka itu tiada memuji dan apabila

berutang mereka itu tiada lambat membayar dan apabila orang berutang kepadanya memberi tangguh.

Contoh 4:

Dan certera daripada Abu Zarr daripada Nabi salla Allah ‘alayh wa sallam:

{ثَلَاثَةٌ لَا يُكَلِّمُهُمُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلَا يَنْظُرُ إِلَيْهِمْ وَلَا يُرَكِّبُهُمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ قَالَ أَبُو ذَرٍّ خَابُوا وَخَسِرُوا مَنْ هُمْ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ الْمُسْبِلُ وَالْمَنَّانُ وَالْمُنْفِقُ سَلَعْتَهُ بِأَخْلَافِ الْكَاذِبِ }

Ertinya: Tiga orang tiada diberkata-kata akan mereka itu oleh Allah taala pada hari kiamat dan tiada menilik Allah taala kepada mereka itu dan tiada menyucikan ia akan mereka itu dan bagi mereka itu azab yang amat sangat. Maka berkata Abu Zarr: Jahatlah mereka itu dan rugilah mereka itu. Siapa mereka itu ya Rasulullah? Maka sabda Nabi salla Allah ‘alayh wa sallam: Iaitulah orang yang menghelakan kainnya karena takabur dan orang yang membangkitkan akan manusia daripada pemberiannya dan orang yang melakukan mata bendanya dengan bersumpah yang dusta.

Contoh 5:

Dan khabarnya daripada Muslim:

{لَا يَغْرِسُ مُسْلِمٌ غَرْسًا وَلَا يَزْرَعُ زَرْعًا فَيَأْكُلُ مِنْهُ إِنْسَانٌ وَلَا دَابَّةٌ وَلَا شَيْءٌ إِلَّا كَانَتْ لَهُ صَدَقَةٌ }

Ertinya: Tiada menanam oleh orang yang Islam akan satu tanaman dan tiada berbuat bendang ia akan satu bendang maka memakan daripadanya oleh manusia dan tiada memakan akan dia oleh binatang dan tiada suatu yang memakan akan dia melainkan adalah baginya itu sedekah.

Contoh 6:

Dan setengah daripada kelebihan orang yang berniaga itu sabda Nabi salla Allah ‘alayh wa sallam:

{التَّاجِرُ الصَّدُوقُ يُحْشَرُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مَعَ الصَّادِقِينَ وَالشُّهَدَاءِ }

Ertinya: Bermula saudagar yang benar itu iaitu dihimpunkan di dalam mahsyar pada hari kiamat serta orang yang siddiqin dan orang yang syahid.

Contoh 7:

Dan demikian lagi riwayat daripada Imam Ahmad juga daripada Ka'ab al-Ahbar:

{أَنَّهُ قَالَ لِأَنَّ أَرْبِي ثَلَاثًا وَثَلَاثِينَ زِينَةً أَحَبُّ إِلَيَّ مِنْ أَنْ أَكُلَ دِرْهَمَ رِبَا}

Ertinya: Bahawa sesungguhnya ia bersabda: Nescaya sesungguhnya berbuat zina aku tiga puluh tiga kali zina itu terlebih kasih kepada aku daripada bahawa aku memakan satu dirham daripada riba.

Contoh 8:

Dan telah berkata setengah ulama datang warid daripada Nabi salla Allah 'alayh wa sallam:

{إِنَّ أَكْلَةَ الرِّبَا يُجَشَّرُونَ فِي صُورِ الْكِلَابِ وَالْحَنَازِيرِ مِنْ أَجْلِ حَيْلَتِهِمْ عَلَى أَكْلِ الرِّبَا كَمَا مَسَخَ أَصْحَابُ السَّبْتِ حِينَ تَحْيَلُوا عَلَى اصْطِيَادِ الْحَيْتَانِ الَّتِي تَهَامُهُمُ اللَّهُ عَنِ اصْطِيَادِهَا يَوْمَ السَّبْتِ فَحَقَرُوا لَهَا حِيَاضًا تَقَعُ فِيهَا يَوْمَ السَّبْتِ حَتَّى تَأْخُذُهَا يَوْمَ الْأَحَدِ فَلَمَّا فَعَلُوا ذَلِكَ مَسَحَهُمُ اللَّهُ قِرْدَةً وَخَنَازِيرًا}

Ertinya: Bahawa sesungguhnya orang yang memakan riba itu dihimpunkan mereka itu pada Padang Mahsyar seperti rupa anjing dan babi karena helah mereka itu atas memakan riba seperti diubahkan segala *ashab al-sabtu* ketika menghelaikan mereka itu atas mengambil ikan yang telah ditegaskan akan mereka itu oleh Allah taala daripada mengambil dia pada hari Sabtu hingga mengambil mereka akan dia pada hari ahad. Demikianlah helahnya. Maka tatkala berbuat mereka itu akan yang demikian itu maka mengubah Allah Subhanahu wa Ta'ala akan rupa mereka itu seperti rupa kera dan rupa babi.

Contoh 9:

Dan sangatlah ditakuti pada tipu daya di dalam berjual beli dan lainnya karena tersebut di dalam hadith Nabi salla Allah 'alayh wa sallam:

{مَنْ عَشَّنَا فَلَيْسَ مِنَّا}

Ertinya: Dan barangsiapa menipu daya ia akan kami maka tiadalah ia daripada kami.

Contoh 10:

Dan sunat bagi orang yang berniaga dan lainnya itu menolong dan mendatangkan hajat bagi segala saudara yang Islam karena beberapa kelebihan yang tersebut di dalam hadith. Setengah daripadanya:

{مَنْ قَضَى لِأَخِيهِ الْمُسْلِمِ حَاجَةً فِي الدُّنْيَا قَضَى اللَّهُ سَعِيدِينَ حَاجَةً مِنْ حَوَائِجِ الْآخِرَةِ أَذْنَاهَا الْمَغْفِرَةُ}

Ertinya: Barang siapa mendatangkan hajat bagi saudaranya yang Islam akan satu hajat di dalam dunia, nescaya mendatangkan Allah taala akan tujuh puluh hajat daripada beberapa hajat akhirat. Bermula sekurang-kurangnya itu mengampunkan Allah akan dosanya.

Contoh 11:

Dan certera daripada Abi Qatadah bahawa sesungguhnya menuntut ia akan orang yang berutang baginya, maka bersembunyi ia daripadanya. Kemudian mendapat ia akan dia. Maka berkata oleh orang yang berutang itu: Bahawa sesungguhnya aku kepayahan daripada membayar utang demi Allah. Maka berkata ia: Bahawasanya aku telah mendengar Rasulullah salla Allah ‘alayh wa sallam berkata:

{مَنْ سَرَّهُ أَنْ يُنْجِيَهُ اللَّهُ عَزَّوَجَلَّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَلْيُنْفَسْ عَن مَعْسِرٍ أَوْ يَصْغَ لَهُ}

Ertinya: Barang siapa menyukakan dia bahawa melepaskan dirinya oleh Allah azza wajalla pada hari kiamat, maka hendaklah menghilangkan kesusahan daripada orang yang papa membayar utangnya atau diberikan baginya sesuatu.

Contoh 12:

Dan kata Sayyidu-Na Abdullah bin Abbas radiy Allah ‘anh:

(لَا تُقْبَلُ صَلَاةُ صَلَاةٍ أَمْرًا فِي جَوْفِهِ حَرَامٍ)

Ertinya: Tiada menerima Allah taala akan sembahyang seseorang yang di dalam perutnya itu makanan yang haram.

Contoh 13:

Dan telah berkata Suddi:

Maka adalah sebab turun ayat ini bahawa sesungguhnya Nabi salla Allah ‘alayh wa sallam tatkala datang ke Madinah, adalah di dalam Madinah itu seorang laki-laki namanya Abu Juhaynah menaruh dua gantang, menyukat ia dengan salah satu daripada keduanya apabila membeli ia daripada orang. Dan menyukat ia dengan yang lainnya apabila berjual ia kepada orang. Maka menurunkan Allah Ta‘ala akan ayat yang tersebut itu.

Selain itu, pengkaji turut mendapati bahawa pengarang ada menyandarkan sesuatu hadith kepada tokoh-tokoh ulama tertentu. Hal ini menggambarkan seolah-olah ulama tersebut

yang meriwayatkan hadith tersebut secara langsung daripada Rasulullah S.A.W., sedangkan hakikat yang sebenarnya tidak begitu. Berikut dinyatakan contohnya:

Kata Imam Ghazali rahimahullah ta'ala:

{وَقَدْ هَمَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ بَيْعِ مَا لَمْ يُقْبَضْ}

Ertinya: Dan sesungguhnya telah menegahkan Rasulullah salla Allah 'alayh wa sallam daripada berjual sesuatu yang belum diterimanya.

Isu kedua ialah huraian terhadap sesuatu hadith. Kadangkala pengarang turut membawakan pendekatan sedemikian terhadap hadith-hadith tertentu. Huraian-huraian ini adakalanya agak panjang dan adakalanya ringkas sahaja. Huraian ini boleh jadi dipetik daripada rujukan yang dibuat, atau mungkin daripada pandangan beliau sendiri. Ini dapat dilihat dalam contoh-contoh berikut:

Contoh 1:

Dan telah mengeluarkan oleh Abu Dawud dan Tirmizi daripada Abu Hurairah radiy Allah 'anh, daripada Nabi salla Allah 'alayh wa sallam bersabda ia:

{لَيَأْتِيَنَّ عَلَى النَّاسِ زَمَانٌ لَا يَبْقَى أَحَدٌ إِلَّا أَكَلَ الرِّبَا، فَإِنْ لَمْ يَأْكُلْهُ أَصَابَهُ مِنْ بَخَاهِهِ}

Ertinya: Lagi akan datang atas manusia itu zaman yang tiada ditinggal seorang melainkan memakan ia akan riba. Maka jikalau tiada memakan ia akan dia, nescaya mengenai akan dia daripada asapnya.

Yakni apabila ada akhir al-zaman nescaya adalah kebanyakan manusia memakan mereka itu akan riba. Maka jikalau tiada memakan ia akan riba, nescaya mengenai akan dia bahagian daripada dosanya, seperti bahawa ada ia jadi saksi di dalam akad riba, atau ada ia menyurat bagi kaum yang memakan riba atau memakan ia daripada jamuannya segala orang yang memakan atau daripada hadiah mereka itu serta mengetahui ia akan bahawa sesungguhnya arta yang dihadihkan itu arta riba. انتهى

Bermula makna hadith, maka jikalau tiada memakan ia akan riba, nescaya mengenai ia akan dia daripada asapnya itu. Bahawa sesungguhnya riba itu terlalu banyak pada zaman itu. Maka berpindah ia tatkala berjual beli dengan dia daripada suatu tangan kepada suatu tangan. Maka bercampur ia dengan segala arta manusia. Maka memakan mereka itu akan dia daripada tiada qasad padanya. Maka tiadalah sejahtera seseorang daripada kesan dan mudaratnya melainkan orang yang dipelihara Allah subhanahu wa taala akan melepaskan daripada yang demikian itu. Inilah maknanya Wa Allah Taala A'lam bi al-Sawab.

Contoh 2:

Dan telah mengeluarkan oleh A'Imad dan Bukhari dan Muslim daripada 'Aishah:

{مَنْ ظَلَمَ قَيْدَ شَيْءٍ مِنْ الْأَرْضِ طَوَّقَهُ مِنْ سَبْعِ أَرْضِينَ؛ أَيَّ يَخْسِفُ اللَّهُ بِهِ الْأَرْضَ فَيَصِيرُ الْبَقْعَةَ فِي عُنُقِهِ كَالطَّوَّةِ}

Ertinya: Barangsiapa menzalimi ia akan kadar sejengkal daripada bumi nescaya me[ng]gantung ia akan dia daripada tujuh lapis bumi .

Ertinya memotongkan Allah subhanahu wa taala akan sekalian bumi, maka jadilah bumi yang dizaliminya itu digantungkan kepada lehernya seperti dokoh.

Selain itu, pada sesetengah keadaan, beliau turut menyatakan hukum yang dapat dikutip daripada sesuatu hadith. Lihat contoh-contoh berikut:

Contoh 1:

Dan lagi sunat bagi orang yang menjual beli itu memudahkan jual belinya karena sabda Nabi salla Allah 'alayh wa sallam:

رَحِمَ اللَّهُ سَهْلَ الْبَيْعِ سَهْلَ الشِّرَاءِ سَهْلَ الْقِضَا سَهْلَ الْاِقْتِصَا

Ertinya: Memberi rahmat Allah taala akan seseorang yang mudah menjual dan mudah membeli dan mudah membayar dan mudah menuntut bayar.

Contoh 2:

Dan sayugianya pula hendaklah mengetahui oleh tiap-tiap orang yang berjual beli dan lainnya melakukan sesuatu dirham yang tiada laku atau melakukan riyal yang tiada laku atau barang sebagainya daripada segala belanja yang melencong. Maka yang demikian itu zalim lagi haram. Maka segala orang yang melakukan dia kemudian daripada itu dapat haram pula. Maka tiap-tiap dapat haram segala orang yang melakukan yang kemudian daripadanya itu kembali pula haramnya melainkan binasa ia sekira-kira tiada laku atau dibuang ke laut karena sabda nabi ÎallÉ Allah 'alayh wa sallam:

{من سنَّ سنة سيئة فعمل بها من بعده كان عليه وزرها مثل وزر من عمل بها، ولا ينقص من أوزاره شيء}

Ertinya: Barangsiapa berbuat jalan akan satu jalan yang kejahatan, maka mengerjakan akan dia oleh orang yang kemudiannya, nescaya adalah dosanya itu seumpama derhaka orang yang mengamalkan dengan dia. Dan tiada kurang daripada dosanya itu sesuatu jua.

Isu yang terakhir ialah menyatakan status atau hukum hadith. Setakat penelitian yang dibuat mendapati bahawa kesemua hadith yang dikemukakan oleh pengarang dalam

penulisannya ini sangat jarang atau hampir tiada yang diberi hukum. Hanya satu-satunya yang dapat dikesan ialah penggunaan istilah hadith *mawquf*. Hadith *mawquf* ialah apa-apa yang diriwayatkan daripada sahabat R.A., sama ada kata-kata, perbuatan, atau *taqir* (pengakuan), sama ada sanad itu bersambung atau tidak. Hadith *mawquf* juga disebut sebagai *athar*, untuk membezakannya dengan hadith yang *marfu'* kepada Nabi S.A.W. Hukumnya juga boleh jadi sahih, hasan atau daif, namun autoritinya adalah tidak sama dengan hadith *marfu'*. Para ulama usul fiqah telah membahaskannya dalam dalil *qawl* atau '*amal sahabi* (Sayyid 'Abd al-Majid al-Ghawri, 2012). Contoh hadis *mawquf* adalah seperti berikut:

Dan telah mengeluarkan oleh Bayhaqi dan Asfahani daripada Abi Hurairah radiy Allah 'anh *mawqufan 'alayh*: Bahawa sesungguhnya ia lalu pada suatu tempat Nahiyah al-Harrah, maka tiba-tiba berjumpa dengan seorang manusia yang menjunjung susu supaya berjual ia akan dia. Maka menilik kepadanya oleh Abu Hurairah. Maka tiba-tiba iaitu sesungguhnya telah mencampurkan ia akan susu itu dengan air. Maka berkata baginya oleh Abu Hurayrah: Betapa ada kamu apabila dikata orang bagi kamu pada hari kiamat: Sucikan olehmu akan airnya daripada susunya, maka tiadalah kuasa kamu berbuat seperti yang demikian itu. Maka ketika itu, sangatlah susah kamu dengan kekesalannya.

Hal ini barangkali disebabkan oleh justifikasi yang telah disebutkan dalam mukadimah pengarang seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, iaitu pengarang hanya menasarkankan golongan awam sebagai pembaca kitab ini. Mereka biasanya hanya ingin mengetahui hukum sesuatu amalan atau perbuatan yang dilakukan. Berkenaan dalil dan perinciannya, ia diserahkan kepada golongan ulama dan terpelajar untuk membahaskannya. Walau bagaimanapun, pengkaji tetap cenderung untuk menyatakan yang terlebih baik bagi seorang penulis ialah memperincikan hukum setiap hadith yang dikemukakan dalam karya penulisannya, sama ada *sahih*, *hasan* atau lain-lain. Hal ini boleh menepis atau menghilangkan sebarang kekeliruan atau tohmahan yang mungkin timbul sekiranya sesuatu hadith yang dikemukakan tidak mencapai darjat yang dikehendaki. Namun begitu, jika usaha-usaha ini tidak dilakukan oleh pengarang terdahulu, sewajarnya pengkaji terkemudian menyempurnakannya, lebih-lebih lagi jika hasil penulisan tersebut boleh dimanfaatkan oleh masyarakat.

Bertitik tolak dari situ, pengkaji telah melakukan usaha-usaha *mentakhrij* 84 hadith yang terdapat dalam Kitab *Risalah Fi Bayan Hukm Al-Bay' Wa Al-Riba*. Hasilnya, pengkaji mendapati hadith-hadith tersebut boleh dikategorikan dalam kelompok berikut:

Jadual 2: Status Hadith Dalam Kitab *Risalah Fi Bayan Hukm Al-Bay' Wa Al-Riba*

Kategori Hadis	Jumlah Hadis	Peratusan (%)
Sahih	33	39.3
Hasan	12	14.3
Dhaif	26	30.9
Gharib	3	3.5
Dhaif jiddan	2	2.4
Mursal	1	1.2
Mawquf	2	2.4
Mawdhu'	2	2.4
La Asl Lah	1	1.2

<i>Batil</i>	1	1.2
<i>Munkar</i>	1	1.2
Jumlah Keseluruhan	84	100

Berdasarkan jadual di atas, hanya kira-kira 54 peratus hadis yang mewakili hadis *sahih dan hasan* dalam kitab ini yang boleh dijadikan hujah dalam mengeluarkan hukum syarak, manakala lebih kurang 31 peratus hadis mewakili hadis *da'if* yang masih boleh digunakan dalam perkara-perkara fadilat atau ancaman, manakala selebihnya, iaitu mewakili 15 peratus masih menjadi tanda tanya penggunaannya kerana statusnya yang sangat lemah dan boleh dipertikaikan. Walau bagaimanapun, penelitian yang dibuat mendapati hadis-hadis tersebut masih boleh diamalkan secara umumnya kerana mempunyai sandaran terhadap nas-nas syarak yang muktabar. Kemungkinan juga terdapat sandaran lain yang digunakan oleh pengarang yang belum ditemui oleh penulis. Ia masih boleh dikaji dan diteliti dari semasa ke semasa. Hal ini barangkali disebabkan oleh justifikasi yang telah disebutkan dalam mukadimah pengarang, iaitu bahawa pengarang hanya menyasarkan golongan awam sebagai pembacanya. Mereka biasanya hanya ingin mengetahui hukum sesuatu amalan atau perbuatan yang dilakukan. Adapun dalil dan perinciannya, yang demikian diserahkan kepada golongan ulama dan terpelajar untuk membahaskannya. Malah, pengarang dilihat cenderung menggunakan hadith seumpama ini dalam konsep *al-tarhib wa al-tarhib*, bukan dalam penghujahan hukum.

Kesimpulan

Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas telah berjaya mengemukakan dalil *al-Sunnah* sebagai salah satu sumber penghujahan beliau yang utama dalam kitab *Risalah Fi Bayan Hukm Al-Bay' Wa Al-Riba*. Terdapat pelbagai pendekatan yang digunakan oleh pengarang ketika membuat pendalilan ini. Bahkan, perbincangan tentang hadith menjadi lebih signifikan kerana ia mendasari sebahagian besar kitab tersebut. Metode yang digunakan pula dilihat daripada sudut-sudut yang berbeza memandangkan isu-isu yang diketengahkan adalah dari sudut yang berlainan, tetapi saling lengkap-melengkapi antara satu sama lain. Walaupun terdapat status hadith yang sangat daif dan boleh dipertikaikan, ia biasanya tidak digunakan dalam menjelaskan hukum dan masih boleh dibuat penelitian dari semasa ke semasa. Kitab beliau ini kekal utuh sebagai sebuah warisan ulama Melayu silam yang perlu diberikan perhatian dan ditambah nilainya agar dapat dimanfaatkan oleh masyarakat hari ini.

Penghargaan

Kertas ini merupakan sebahagian kajian dalam geran penyelidikan bertajuk: 'Projek Pendigitalan Manuskrip Ulama Alam Melayu di Pattani'. Penyelidikan ini memperolehi dana daripada tabung khas Projek Pendigitalan Manuskrip Universiti Sultan Zainal Abidin (No rujukan projek: UniSZA/PPM05/INSPIRE/2019). Sekalung penghargaan buat Universiti Sultan Zainal Abidin atas peruntukan geran yang telah diberikan.

Rujukan

- Ahmad Fathy al-Fatany. 2013. *Ulama Besar Dari Patani*. Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Hasanulddin Mohd. 2014. *Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas Ulama Terengganu Abad Ke-19*. Kuala Nerus: Penerbit UniSZA.
- Hasanulddin Mohd, Ahmad Tirmizi Taha, Khiral Anuar Daud. 2020. *Risalah fi Bayan Hukm al-Bay' wa al-Riba: Edisi Tahkik*. Kuala Nerus: Penerbit UniSZA.
- Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia*. 2000. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia, Tambahan Pertama*. 2001. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia, Tambahan Kedua*. 2002. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Muhammad Mustaqim Mohd Zarif&Abdullah Salaeh. 2018. *Cerminan Orang Mukmin dan Peringatan kepada yang Lalai*. Negeri Sembilan: Penerbit USIM Press.
- Omar Musa. 1991. *Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas*, dalam Muhammad Abu Bakar. 1991. *Ulama Terengganu Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Jawatankuasa Koleksi Terengganu, h.145-153.
- Naskhah MSS 2397*. Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Sayyid 'Abd al-Majid al-Ghawri. 2012. *Mu'jam al-Mustalahat al-Hadithiyah*. Selangor: Darul Syakir
- Wan Mohd Saghir Abdullah. 1997. *Data Kitab Risalah fi Bayani Hukmil Bai'i wa Riba Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahim al-Fathani di Bukit Bayas Terengganu*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Wan Mohd Saghir Abdullah. 2000. *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah. Jilid 1.
- Wan Mohd Saghir Abdullah. 2009. *Koleksi Ulama Nusantara Jilid 2*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.